

18 MAR 2000

DAP MAHU PEMBOCORAN DOKUMEN DISIASAT

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Pengerusi DAP Lim Kit Siang dalam satu kenyataan hari ini meminta siasatan bebas terhadap kakitangan bank yang membocorkan maklumat urusan kewangan kerajaan dan pelanggan.

Lim mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam pengurusan bank adalah bertanggungjawab terhadap tindakan kakitangannya yang membocorkan rahsia urusan pelanggan bank kepada umum.

Tindakan tidak bertanggungjawab kakitangan bank itu didedahkan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam baru-baru ini.

Ali mendakwa beberapa kakitangan Bank Islam dan Bank Bumiputra-Commerce membocorkan transaksi kewangan kerajaan negeri kepada umum melalui Internet.

--BERNAMA

ES RI